

20 AUG 2002

Guru-Inggeris

KEM PENDIDIKAN AMBIL 23 PAKAR BAHASA INGGERIS DARI UNITED KINGDOM

PASIR GUDANG, 20 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pendidikan mengambil 23 pakar Bahasa Inggeris dari United Kingdom untuk melatih guru tempatan menguasai kemahiran bahasa kedua itu.

Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat hari ini berkata pengambilan pakar Bahasa Inggeris menerusi program "Malaysia Trainers Development (MTDP)" sudah pun dimulakan dan pengambilan tambahan dijangka bermula September ini.

Setakat ini, kementerian telah menggunakan khidmat empat pakar Bahasa Inggeris dari United Kingdom untuk melatih guru-guru berkemahiran Bahasa Inggeris, katanya pada persidangan media selepas melepaskan 1,040 peserta Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah peringkat kebangsaan di Stadium Perbadanan Pasir Gudang, dekat sini.

Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah itu yang akan menjelajah lapan daerah di Johor akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini.

Abdul Rafie berkata menerusi program MTDP, kementerian kini mempunyai 200 pelatih yang berkemahiran Bahasa Inggeris bagi melatih guru-guru Bahasa Inggeris lain di negara ini.

"Kita akan melatih guru-guru yang mahir dan berkelulusan tinggi dalam Bahasa Inggeris supaya mereka ini pula menjadi pelatih kepada guru-guru lain yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah," katanya.

Abdul Rafie berkata langkah itu sejajar dengan matlamat kerajaan yang mahu melahirkan pelajar menguasai dwibahasa iaitu Bahasa Inggeris, sebagai bahasa kedua selain penguasaan Bahasa Melayu yang menjadi bahasa utama di negara ini.

Katanya pakar Bahasa Inggeris dari United Kingdom itu juga ditempatkan daerah-daerah bagi membantu pelatih Bahasa Inggeris dalam melaksanakan program melatih guru-guru di sekolah.

Menurutnya kementerian juga menambah peruntukan untuk membeli buku dan alat pengajaran Bahasa Inggeris untuk digunakan guru ketika mengajar.

"Corak pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di negara ini akan melalui banyak perubahan," katanya.

Terdahulu, Abdul Rafie meminta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) memberi penekanan terhadap program perkhemahan intergerasi dalam usaha memupuk perpaduan kaum di kalangan pelajar sekolah.

Katanya JPN yang bertindak sebagai penyelaras program dapat memainkan peranan penting itu dalam menyatupadukan masyarakat pelbagai bangsa menerusi interaksi dan mengenali antara satu sama lain.

"Tumpuan yang perlu diberikan ialah kepada pelajar sekolah rendah khasnya darjah empat, lima dan enam yang melibatkan sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil," katanya.

Selain mempertingkatkan ketahanan diri dan mental, katanya program itu juga dapat menjalin kemesraan di kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Mengenai perhimpunan patriotik pemimpin pelajar, Abdul Rafie berkata program itu perlu bagi menanam semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan pelajar.

Katanya pelajar perlu sedar bahawa visi mereka adalah untuk memastikan perpaduan masyarakat terus utuh dan kemajuan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana mereka merupakan bakal pemimpin pada masa depan.

-- BERNAMA

BH MNY LAT

